

05 JUL 1998

PERDANA MENTERI LANCARKAN PERARAKAN FLORA

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pagi ini melancarkan perarakan flora sempena Pesta Flora `98 dari 5 hingga 12 Julai di Dataran Merdeka di sini.

Kira-kira 3,000 orang termasuk pelancong asing membanjiri Dataran Merdeka untuk menyaksikan 10 kereta berhias dan 18 kumpulan pancaragam yang mengambil bahagian dalam perarakan tahunan itu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik hadir pada perarakan itu yang bertemakan "Sukan dan Aktiviti Santai".

Antara yang mengambil bahagian dalam perarakan kereta berhias ialah Penerbangan Malaysia, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Persatuan Pelancong Kuala Lumpur dan beberapa negeri.

Dr Mahathir dijangka akan menyampaikan cenderamata khas dan anugerah kepada para pemenang.

Anugerah tersebut ialah Anugerah Perdana, Anugerah Tema, Anugerah Kreatif, Anugerah Khas Perarakan dan Anugerah Khas Juri.

Acara itu dimulakan pada 1991 sebagai satu usaha untuk mempelbagaikan aktiviti pelancongan.

-- BERNAMA
ES RHM